

|             |                         |            |         |
|-------------|-------------------------|------------|---------|
| Headline    | Kumar setia bersama TNB |            |         |
| MediaTitle  | Utusan Malaysia         |            |         |
| Date        | 27 Aug 2016             | Language   | Malay   |
| Circulation | 171,663                 | Readership | 563,000 |
| Section     | Sukan                   | Page No    | 34      |
| ArticleSize | 210 cm <sup>2</sup>     | Journalist | N/A     |
| PR Value    | RM 12,567               |            |         |
|             |                         |            |         |



S. KUMAR

## Kumar setia bersama TNB

**KUALA LUMPUR 26 Ogos**

- Kesetiaan pada hari ini adalah sesuatu yang begitu sukar untuk ditemukan, dan hanya sesetengah pihak sahaja yang benar-benar memahami apa itu erti kesetiaan.

Tetapi itulah jalinan yang kekal hingga ke hari ini antara TNB dengan arena hoki Malaysia.

Kesetiaan tidak boleh dibeli dengan wang ringgit dan itulah yang menyebabkan penjaga gol S. Kumar memilih untuk kekal bersama pasukan TNB.

Hubungan mereka bermula sejak 16 tahun lalu apabila TNB telah menawarkan Kumar untuk bekerja di situ dan pada masa yang sama mengukuhkan kariernya dalam sukan hoki.

Tawaran itu hadir begitu tepat pada masanya dan itulah permulaan 'jodoh' antara TNB dan Kumar.

Pada masa itu, dia baru sahaja selesai mewakili negara dalam kejohanan Piala Remaja Asia dan tidak mempunyai pekerjaan. Jadi, dia menerima peluang yang ditawarkan pada bulan

September tahun 2000 itu.

Kini, dengan usianya yang semakin meningkat, Kumar adalah antara salah seorang penjaga gol terbaik pernah dimiliki negara dan dia juga tidak malu untuk mengakui karier serta kejayaan yang diraih banyak dibantu oleh TNB.

"Apabila TNB membuat tawaran, saya meminta pandangan beberapa pemain senior dan tiada sesiapa pun bercakap negatif tentang TNB. Saya dinasihatkan untuk menerima tawaran itu," kata Kumar yang bekerja di bahagian Sokongan Teknikal.

"Selepas menyertai TNB, saya dapat merasakan bahawa mereka benar-benar serius dalam hoki dan ini telah membangkitkan semangat saya. Tambahan lagi, mereka menawarkan pelbagai faedah seperti cuti untuk atlet, faedah perubatan, bonus dan elaun istimewa kepada pemain kebangsaan.

"Bermain dan bekerja untuk TNB benar-benar memacu saya untuk mencapai kemuncak prestasi," katanya.